

UMS menang 4 emas dengan tiga rekod di kejohanan Olahraga Masum 2012

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

UB 06-03-2012 A15

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menang empat pingat emas dengan tiga daripadanya merupakan rekod kejohanan di samping enam perak dan tiga gangsa pada Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2012.

Pencapaian UMS yang diwakili sembilan atlet lelaki dan enam wanita

pada kejohanan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 2-4 Mac tersebut meletakkannya di tangga keempat di kalangan 20 pasukan yang mengambil bahagian.

Pingat emas UMS dimenangi Nitas Camillus Tan Sing Bee dalam acara 10km jalan kaki dengan catatan 58:47.8s, Eldy Sham Irlon (400m berpagar - 55.3s), Felnidiah Lok Kassim (100m lari berpagar - 16.8s) dan Emmy Ahkim (400m lari berpagar).

Catatan masa Nitas, Eldy dan Felnidiah tersebut juga dikatakan merupakan rekod baru kejohanan.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika memberitahu perkara tersebut berkata, ia merupakan pencapaian membanggakan dan hasil kerja-keras semua yang terlibat terutamanya atlet dan jurulatih.

“Mereka telah berlatih sejak penghujung tahun lalu dan ianya berbaloi. Pencapaian mereka itu membanggakan UMS.

“Saya harap beberapa atlet kita ini akan disenaraikan untuk membuat persiapan mewakili Masum ke Sukan Universiti Asean di Laos pada Disember tahun ini,” kata Asyraaf.

Johan keseluruhan kejohanan itu disandang Universiti Putra Malaysia (UPM), kedua Unicersiti Teknologi Mara (UiTM) dan ketiga Universiti Malaya (UM).

Di belakang UMS adalah pasukan Universiti Sains Malaysia (USM).